

**MODENISASI DAN KAUM TANI: SATU KAJIAN KES
DI PULAU CHONDONG, KELANTAN**

HANAPI DOLLAH

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

1990

MODENISASI DAN KAUM TANI:
SATU KAJIAN KES DI PULAI CHONDONG, KELANTAN

HANAPI DOLLAH

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL.
UNIVERSITI MALAYA
1990

BAB 1 : PENDAHULUAN

I have spoken of the drive and modernization as though everybody in Kelantan wants it and has the same image of it. This is of course not the case. There is a difference in the meaning of modernization along several axes.

Nash 1974, 149.

1.1 Pengenalan

Bab ini adalah pengantar kepada Bab-Bab seterusnya. Bab ini membentangkan bidang dan tujuan, persoalan tesis, penjelasan konsep-konsep yang digunakan, kajian lepas tentangnya, hipotesis, pendekatan, pilihan kawasan, method dan penyampaian kajian.

1.2 Bidang dan Tujuan

Sungguhpun bidang kajian ini tentang modenisasi dan kaum tani, iaitu bidang yang bersabit dengan perubahan sosial¹ tetapi kajian ini tidaklah bertujuan menjelaskan perubahan itu secara 'per se'. Tajuk "modenisasi" di sini hanya menyatakan bahawa proses perubahan itu telah dan sedang berlaku di kalangan kaum tani Melayu. Kajian tentang perubahan sosial 'per se' sudah tentu melibatkan jangka waktu yang berselang ataupun dua kawasan yang berbeda. Kajian ini bukan sahaja tidak mampu berbuat begitu malah ia bukan menjadi tujuan.

Tujuan utama kajian ini, dari satu segi ialah untuk memperihalkan kehidupan kaum tani Melayu di sebuah kampung dalam sebuah negara yang sedang pesat mengalami proses modenisasi. Tegasnya, kajian ini ingin merakamkan sebuah 'portrait' kehidupan kaum tani pada suatu ketika dalam proses perubahan

1. Kadang-kadang diistilahkan juga sebagai "perubahan budaya". Istilah "perubahan sosial" dalam kajian ini juga mencakup pengertian yang luas atau menyeluruh yang melibatkan bidang-bidang politik, ekonomi dan ideologi (agama dan budaya).

tersebut. Sekiranya terdapat perbincangan tentang perubahan sosial, maka ia diperkatakan dalam konteks tujuan itu. Dari segi yang lain kajian ini bertujuan untuk menjelaskan tindak-balas kaum tani berkenaan kepada modenisasi. Dalam bahasa yang ringkas dapatlah dikatakan kajian ini berusaha memahami reaksi kaum tani Melayu kepada modenisasi yang melanda kehidupan harian mereka dan penentangan yang ditunjukkan terhadap modenisasi.

Kehidupan harian di sini bermaksud kehidupan biasa mereka. Dalam kebanyakan waktu dan di kebanyakan tempat, kaum tani melalui hidup dalam keadaan biasa tersebut. Kehidupan yang tidak biasa, seperti pada waktu pemberontakan dan revolusi adalah jarang berlaku. Sebahagian besar gambaran tentang kaum tani diterangkan dalam kehidupan yang tidak biasa itu sebagaimana yang terdapat dalam beberapa tulisan mengenainya (Scott 1985, xv). Penyimpangan daripada kelaziman itu, maka kajian ini menyahut cadangan yang pernah dikemukakan oleh James C. Scott (1985), iaitu mengkaji kehidupan kaum tani dalam keadaan biasa itu.

Rakaman kehidupan sehari-hari kaum tani ini memuatkan persoalan hidup mereka yang sedang dilanda oleh modenisasi. Daripada landaan tersebut diperlihatkan tafsiran, pengalaman dan harapan mereka kepada perubahan sosial itu. Berdasarkan kepada tafsiran, pengalaman dan harapan itulah kaum tani tersebut bertindak-balas dengan modenisasi. Tindak-balas itu

ada yang berbentuk penerimaan dan ada pula yang berbentuk sebaliknya. Contoh tindak-balas yang berbentuk penerimaan ialah penggunaan kemudahan moden seperti lampu elektrik dan perubatan moden serta keterlibatan mereka secara aktif dalam pilihanraya umum. Walau bagaimanapun, pertembungan kaum tani dengan modenisasi lebih banyak mencatatkan tindak-balas yang berbentuk penolakan dan penentangan (lihat, 1.2; 1.3; dan 1.4). Beberapa berita semasa tentang penentangan itu diperlakukan di bawah ini.

Utusan Malaysia keluaran 24 September 1982 melaporkan bahawa Pejabat Jajahan Kota Bharu memberi amaran kepada penduduk kampung di Salor kerana membuat sekatan jalan yang menghalang lalu-lalang kenderaan. Kenderaan -kenderaan yang lalu-lalang di situ dikatakan mengganggu ketenteraman mereka. Utusan Malaysia, 2 Oktober 1982 melaporkan bahawa penduduk Kampung Wakaf Lama di Pasir Puteh menolak bantuan kerajaan berupa peralatan moden, seperti kipas angin, enjin air dan pembesar suara. Di dalam Utusan Malaysia 16 Mac 1988 termuat berita tentang orang Kampung Sungai Pas, Kuala Krai melarang guru-guru wanita sekolah rendah kampung itu bermain bola tampar dengan guru-guru wanita sekolah yang lain. Alasan yang dikemukakan ialah pakaian guru-guru wanita itu yang berbaju kemeja T dan berseluar panjang, menjolok mata orang kampung. Penentangan seperti ini bukan sahaja terhad kepada

kampung-kampung pedalaman seperti Kampung Sungai Pas¹ tetapi juga kampung di pinggir bandar dan di bandar sendiri. Umpamanya, Harakah 3 November 1989 menyiarkan berita dan gambar tunjuk perasaan penduduk Kampung Bukit Payung membantah pertunjukan konsert di kampung itu. Kampung Bukit Payung terletak di pinggir bandar Kuala Terengganu. Utusan Malaysia 24, September 1988 melaporkan pihak Sekolah Menengah Agama Gua Musang telah menggantungkan 35 orang pelajarnya kerana menonton konsert di bandar itu.²

Berita-berita penentangan itu sekali gus menunjukkan keinginan kaum tani untuk memperkuatkan semula kehidupan tradisional mereka. Malah ciri-ciri kehidupan tradisional itu bukan sahaja diperkuat tetapi diwujudkan kembali demi untuk menangkis modenisasi. Umpamanya, kehidupan tradisional sebelum dilanda modenisasi tidak begitu sensitif kepada pakaian wanita yang menonjolkan bentuk tubuh badan mereka. Contoh pakaian itu di kalangan wanita Kelantan ialah berkemban dan pakaian para penari Tarian Asyik (Lihat, Sheppard 1972, 86). Setelah dilanda modenisasi barulah mereka membuat

1. Kampung ini terletak di kawasan rancangan tanah yang dibuka semasa pemerintahan PAS (1959-1978). Jauhnya dari bandar Kuala Krai kira-kira 7 batu.

2. Penentangan terhadap budaya moden tersebut juga berlaku di kalangan mahasiswa universiti seperti yang berlaku di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985 dan di Universiti Malaya pada tahun 1989. Mahasiswa membantah konsert yang dianjurkan oleh pihak universiti kerana budaya moden itu bertentangan dengan Islam (lihat, Zainah Anwar 1987; Kua Kia Soong 1989)

tuntutan supaya wanita berpakaian yang menutupi anggota tubuh badan sehingga melewati bahagian rambut. Tuntutan yang bersifat tradisional, iaitu keagamaan itu adalah reaksi penentangan kepada modenisasi.¹

Kalau disimpulkan penjelasan di atas, maka dapatlah dikatakan bahawa tesis kajian ini ialah tentang kaum tani Melayu kepada modenisasi melalui agama, iaitu Islam. Di samping menghuraikan tentang kaum tani itu, dijelaskan juga punca yang melahirkannya, iaitu pengagihan faedah-faedah modenisasi yang tidak sama. Kalau di peringkat negara, kelas pemerintah dan sekutunya, kelas pemodal yang mendapat keuntungan

1. Oleh kerana modenisasi ditakrifkan sebagai fenomenon Barat (pembaratan) (lihat, 1.4), maka Islam dianggap ideologi yang berada di luar fenomenon moden (Barat). Budaya moden adalah budaya Barat. Orang timur, termasuklah pengikut agama Islam yang menjadi moden adalah orang yang mengamal budaya Barat. Contoh yang dikemukakan oleh Edward Said (1978) ialah tentang kelas pemerintah Mesir yang pernah dibicarakan oleh Taha Hussein pada tahun-tahun 1930-an. Budaya moden kelas pemerintah itu adalah budaya Barat. Meskipun pengertian ini dipakai, tidaklah pula bermakna menafikan kewujudan ciri-ciri kehidupan yang saintifik, hak-hak asasi, demokrasi, sosialisme dan kapitalisme dalam budaya Timur berkenaan (lihat, Mortimer 1982; Rodinson 1974). Mengikut Dessouki (1981) reaksi Islam kepada modenisasi boleh dibahagi tiga bentuk. Pertama, memperkuatkan keislaman sebagaimana bentuk asalnya. Kedua, menggabungkan antara budaya Islam dengan budaya moden Barat dan ketiga, menerima sepenuhnya budaya Barat. Bentuk ketiga ini beranggapan bahawa ciri-ciri hidup Islam yang patut dikekalkan hanya yang tidak menghalang perkembangan modenisasi. Jensen (1980) telah menamakan golongan pertama itu sebagai 'reitators'; golongan kedua sebagai 'rethinkers' dan ketiga sebagai 'exploiters'. Penulis-penulis lain menamakan juga golongan pertama tersebut sebagai salafi atau salafiah (Hamid Algar 1983; Eickelman 1987). Pertentangan yang lazim berlaku adalah antara golongan pertama dengan golongan ketiga (Ismael dan Ismael 1985).

besar daripada perkembangan modenisasi, maka di peringkat kampung pula orang-orang kaya dan ketua tempatan yang mengaut faedahnya. Orang miskin seperti kaum tani pula terhimpit olehnya. Ringkasnya, pengagihan faedah-faedah modenisasi mempunyai kaitan dengan struktur kelas sama ada di peringkat negara ataupun di peringkat kampung (lihat, 1.3 dan 1.4).¹

1. Anggota pemerintah Negara Dunia Ketiga menjadi kaya melalui projek-projek pembangunan di negara mereka. Mereka juga mendapat wang sugut daripada syarikat antarabangsa. Umpamanya, Marcos pernah mendapat US\$10 billion antara tahun 1975-76. Wang itu disugut oleh syarikat-syarikat Jepun seperti Mitsui, Marabeni, Sakai, Sumitomo, Toyo Trading, Misshio-Iwai dan C. Itoh. Bekas Presiden Korea Selatan, Chun Do-hwan pernah menerima rasuah daripada syarikat-syarikat Amerika Syarikat (Peninjau 1989). Di Malaysia juga terdapat projek-projek pembangunan yang diberikan kepada firma-firma asing seperti projek Jambatan Pulau Pinang, Bangunan Daya Bumi, Lebuh Raya Utara-Selatan dan kilang besi Perwaja di Terengganu. Jumlah kekayaan yang diperolehi oleh kelas pemerintah berkenaan tidak diketahui kerana kerajaan yang masih berkuasa tidak akan membiarkan rahsianya bocor. Namun demikian, kenyataan-kenyataan bekas anggota kerajaan menunjukkan fenomenon pembolotan faedah pembangunan (modenisasi) itu berlaku. Umpamanya, Tengku Razaleigh (bekas Menteri Kewangan) pernah mencatatkan antara lain: Kecenderungan menumpukkan kekayaan kepada segelintir golongan yang senantiasa dirasuk nafsu tamak haloba yang tidak mengenal batas, skandal-skandal kewangan dan perniagaan semakin berleluasa sama ada secara berselindung atau secara samar-samar mahupun secara berterang-terangan. Peluang-peluang ekonomi di kalangan bumiputera sendiri tidak lagi diagih-agihkan dengan adil dan saksama. Perancangan ... dan perlaksanaan ... projek-projek tertentu, telah menyebabkan hutang negara semakin bertumpuk-tumpuk, pertumbuhan ekonomi semakin rendah dan kadar pengangguran semakin menggerunkan (1987, 3-4). Rais Yatim (bekas Menteri Penerangan dan Menteri Luar) juga menulis: Produktiviti rakyat di kampung dan rancangan-rancangan tanah masih rendah; daya beli atau 'purchasing power' mereka pun rendah; yang tinggi penghasilan dan daya beli ialah bagi kumpulan-kumpulan korporat tertentu atau individu-individu yang mempunyai hubungan politik yang rapat dan mesra dengan Menteri Besar

Sehubungan dengan pembicaraan tentang struktur kelas itu, kajian ini juga cuba menjelaskan kaum tani sebagai satu kelas sosial yang mempunyai perkiraan sendiri tentang nasib mereka. Mereka bukanlah sekumpulan manusia yang bersifat menyerah kepada Tuhan dan "membabi-butu" mengikut telunjuk ketua. Sungguhpun mereka seperti kelas 'subordinate' yang lain (umpamanya, kaum proletariat) tidak dapat menguasai persekitaran dan pemimpin (Shanin 1982, 311) tetapi mereka menyedari dan mengawasi tindak-tanduk pemimpin berkenaan. Tegasnya, mereka amat sedar perbedaan antara kepentingan mereka dengan kepentingan kelas sosial lain di atas mereka, baik ia pemimpin negara mahupun pemimpin tempatan. Kesedaran itu di antaranya mereka suarkan melalui peti undi semasa pilihanraya.

Rakaman kehidupan sehari tersebut disampaikan dalam bentuk kajian kes. Kajian kes ini dilakukan di Pulai Chondong, Kelantan. Rakaman ini dimulakan dengan memaparkan sejarah perkembangan modenisasi dan keadaan sosio-ekonomi kawasan kajian. Dengan berlatarbelakangkan perkembangan dan keadaan tersebut didedahkan kehidupan sehari tani di kampung itu.

Kehidupan sehari ini disampaikan melalui beberapa watak

dapat banyak balak dan konsesi hutan; siapa yang rapat dengan Menteri dapat banyak peluang perniagaan dan ekonomi termasuk permit judi, kontrak lebuh raya, permit AP dan pelbagai kemudahan. Menteri Kewangan dan Perdana Menteri tentu menafikan tetapi lumrahnya begitu (1990, 14). Lihat juga, Salleh Abbas (1989); Salleh Abbas dan Das (1989); Lee Lam Thye (1989); Lorrain Osman (1990); dan Fan Yew Teng (1990).

orang kampung dengan dua orang daripadanya ditonjolkan sebagai pelakon (actor) utama. Pelakon utama itu mewakili kelas sosial masing-masing. Oleh itu, interaksi pelakon-pelakon tersebut bukan sahaja menyirat tindak-balas kaum tani kepada modenisasi tetapi sekali gus menyatakan hubungan kelas dalam kampung berkenaan. Sebagai pertentangan kelas, maka pertentangan antara orang kampung tersebut bukanlah fenomenon baru. Dengan itu juga, pertentangan orang kampung melalui ideologi, iaitu agama bukanlah sesuatu yang baru wujud. Kelas atasan mengguna agama untuk penguasaan kelas bawahan dan kelas bawahan mengguna agama untuk menentang penguasaan itu (Amin 1980; Scott 1976). Hal ini dibentangkan setelah selesai pemerihalan kehidupan sehari watak-watak tersebut.

Modenisasi sebagai unsur luaran yang bersifat global turut menjadi faktor yang mempengaruhi corak penentangan kaum tani ke arah yang lebih terbuka dan sejagat. Kebangkitan kaum tani Melayu menentang modenisasi melalui Islam bukanlah terhad kepada lengkongan kampung-kampung mereka, tetapi telah meluas. Kebangkitan yang meluas ini seringkali dipanggil sebagai "kebangkitan semula" Islam (Nagata 1985; Chandra Muzaffar 1987, Zainah Anwar 1987; Mohamad Abu Bakar 1987). Dalam konteks kebangkitan meluas inilah kandungan kajian ini selanjutnya membentangkan perkaitan antara penentangan kaum tani kepada modenisasi dengan pertentangan kelas di pering-

kat negara. Perkaitan ini dibicarakan dalam konteks pertemuan partai-parti politik.

1.3 Persoalan Tesis

Kaum tani Melayu seperti juga kaum tani di kebanyakan negara Dunia Ketiga¹ yang lain, mereka tidak terkecuali daripada mengalami modernisasi. Modernisasi sebagai proses perubahan sosial yang sejagat telah melanda semua kaum tani, sebagaimana kata Migdal:

These political and social changes in peasant life have occurred where Chinese or Bengali or Spanish is spoken; they have occurred in temperate areas and tropical areas; they have occurred among Buddhists and Christians and Muslims; they have occurred among Ceylon's Sinhalese and Mexico's Zapotec Indians (1974, 6).

Modernisasi sebagai satu proses perubahan sejagat, juga telah mengintegrasikan kampung tani dengan dunia yang lebih besar. Pada waktu yang sama ia memecahkan kerukunan hidup tradisional mereka (Moore 1979, 20; Hainsworth 1982, 1).

Sejarah perkembangan modernisasi di kampung-kampung tani berlaku serentak dengan penaklukan Barat ke atas mereka. Modernisasi dan cengkaman kuasa luar ke atas kehidupan kaum tani tidak dapat dipisahkan, malah kedua-duanya merupakan dua muka pada satu 'coin' yang sama. Penaklukan kuasa luar tersebut ke atas kehidupan kaum tani meliputi struktur

1. Negara ini telah mendapat berbagai-bagai panggilan. Antaranya ialah negara bukan Barat, negara Timur, negara mundur, negara baru, negara baru muncul, negara sedang membangun, negara kurang maju dan negara kurang membangun (Less Developed Countries-LDCs).

ekonomi, organisasi politik dan penyebaran ideologi Barat (Moore 1979, 20). Kalau dipinjam ungkapan Eric Wolf, boleh disebut modenisasi itu sebagai 'proses penyebaran sistem kebudayaan kapitalisme Barat' (1969, 276).

Kolonialisasi kuasa Barat telah banyak memberi kesan buruk kepada kaum tani. Kaum tani telah dihalang untuk wujud dalam kerukunan hidup mereka. Jaminan tradisi terhadap kepastian untuk hidup telah dirampas oleh kuasa luar tersebut. Tanah dan manusia telah ditukar menjadi komoditi yang dijual dan dibeli di pasaran (Scott 1976, 7). Di dalam peraturan hidup tradisional, kaum tani mempunyai hak mengguna dan memiliki tanah untuk bercucuk tanam, mengutip hasil-hasil semulajadi dan padang rumput untuk ternakan mereka. Kedatangan kolonial telah menamatkan hak-hak tersebut. Kolonial Barat telah memperkenalkan sistem undang-undang tanah mereka untuk merampas hak kaum tani itu.

Umpamanya dalam kes kolonialisme British ke atas Tanah Melayu (Malaya), Undang-Undang Tanah Torrens dikuatkuasakan. Di dalam fail-fail pentadbiran British di negeri Kelantan terdapat surat rayuan para tani yang ditujukan kepada Sultan dan Pesuruhjaya Tinggi British. Kandungan surat-surat itu berkisar kepada perampasan hak tradisi penggunaan tanah yang diperkatakan di atas (lihat, Bab 2).

Penguatkuasaan undang-undang tanah moden bukanlah sangat

untuk mengemaskan urusan pentadbiran tanah tetapi didorong oleh kepentingan ekonomi kolonial British (Wong 1975, Lim Teck Ghee 1968; 1977). Dengan undang-undang tanah moden itu mereka boleh merampas tanah-tanah kaum tani untuk dijadikan ladang-ladang ataupun lombong-lombong mereka. Kaum tani menyedari akan hakikat itu menyebabkan mereka tidak menerima begitu sahaja penguatkuasaan undang-undang baru itu. Tentangan terbuka secara bersenjata telah dilakukan oleh kaum tani di Kampung Jeram, Pasir Puteh pada tahun 1915 dan oleh kaum tani di Ulu Terengganu pada tahun 1928 (lihat, Bab 2). Berundurnya kerajaan Kolonial apabila negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 tidak pula menamatkan ancaman modenisasi tersebut kerana kerajaan yang menggantikannya itu terus melanjutkan program tersebut. Kemunculan kerajaan pengganti itu diistilahkan oleh Shanin sebagai "dipayung-terjunkan" (parachuted) oleh kolonial (1982, 315). Dalam perkataan lain, orang yang mengambil alih kerajaan itu adalah "anak didik" kolonial. Sebagaimana kata Lord Cromer:

England was prepared to grant political freedom to all her colonial possessions as soon as a generation of intellectual and English culture were ready to take over (1908, 565).

Kerajaan baru ini telah mengambil alih 'lock, stock and barrel' pemerintahan kolonial sebelumnya (Shanin 1982, 315). Malah kerajaan baru yang diterajui oleh "pejuang kemerdekaan" telah menaja modenisasi dengan lebih sungguh-sungguh (Rogers 1969, 10-11). Sekiranya perkembangan modenisasi memberi keuntungan kepada kerajaan pada waktu sebelum mer-

deka, maka hal yang sama berlaku selepas merdeka. Modernisasi terus mengheret dan menghimpit kaum tani mengakibatkan mereka semakin kuat bergantung kepada pasar dan wang tunai. Pada waktu mereka tidak ada hasil untuk dipasarkan atau pada waktu harga barang keluaran mereka jatuh, waktu itulah mereka mengalami kebuluran sebagaimana yang dibahaskan oleh James C. Scott (1976) dalam kes pemberontakan tani di Vietnam, Burma dan Java. Keadaan itu turut berlaku di negara ini pada tahun 1974. Dalam peristiwa itu, kaum tani di Baling, Kedah telah berarak di jalan raya menuntut harga getah yang lebih tinggi kepada kerajaan. Mereka bangkit menuntut layanan yang lebih adil kerana kelaparan dan kebuluran yang mereka hadapi itu bukan suatu takdir dan bukan juga ketentuan alam sekitar dan cuaca, tetapi ketidakadilan yang berpunca daripada kuasa luar, iaitu kerajaan yang tidak melindungi kepentingan mereka (lihat, Peiris 1975).

Sebelum kehadiran modernisasi, kaum tani Melayu sudahpun dikuasai oleh kerajaan tradisional mereka. Kaum tani adalah kelas rakyat, manakala kerajaan pula ialah kelas pemerintah. Kelas pemerintah itu disebut juga sebagai kelas bangsawan. Dalam masyarakat Melayu tradisional, seseorang itu mesti menjadi rakyat kepada seseorang raja. Seseorang raja pula mesti mempunyai rakyat. Apabila dia mempunyai rakyat, maka dia dikatakan mempunyai kerajaan. Kerajaan adalah berasal daripada kata nama (dasar) "raja" yang ditambah dengan penambah awalan "ke" dan penambah akhiran "an" untuk menjadi

kata sifat. Kerajaan adalah kata sifat yang membawa maksud "berkuasa" (lihat, Milner 1982).

Di bawah pemerintahan kerajaan Melayu tradisional, di sebalik kebebasan kaum tani mengguna dan memiliki tanah, kelas bangsawan boleh merampas apa sahaja yang merekakehendaki daripada kaum tani termasuk anak dan isteri mereka (lihat Bab 2). Pengalaman penindasan tersebut terus dirasai oleh kaum tani semasa kolonial. Mereka terus menerus menjadi 'subject' kepada kerajaan. Sifat kerajaan yang sebeginitulah menyebabkan kaum tani beranggapan bahawa mereka adalah kuasa "jahat" yang perlu diganti (Wolf 1975, 264). Kerajaan bukan sahaja menduduki tempat yang asing dan luaran malah perhubungan mereka dengan kaum tani dikira bertujuan untuk memeras (Scott 1976).

Pengalaman kaum tani dengan modenisasi adalah pengalaman mereka dengan kerajaan. Kerajaan menaja perubahan sosial tersebut. Perubahan sosial itu pula berkembang di atas kerugian kaum tani. Pengalaman itulah juga yang mendasari reaksi mereka kepada modenisasi.

Perbincangan tentang modenisasi dan kaum tani tidak harus hanya dari segi perangkaan (kuantitatif) sahaja, seperti jumlah penggunaan tanah, pengeluaran pertanian, pendapatan, cukai, penduduk, kesihatan dan pelajaran kerana kedudukan dan kepentingan mereka adalah lebih daripada itu. Kaum tani

sebagai penduduk terbanyak bukan sahaja 'day-by-day ... make the economists sigh, the politicians sweat, and the strategists swear, defeating their plans and prophecies all over the world' (Shanin 1975, 238), tetapi mereka boleh bangkit seperti taufan atau seperti 'hurricane', satu kekuatan yang perkasa dan keras, tidak ada kuasa walau bagaimana besar sekalipun boleh menahannya. Mereka akan memecah kesemua kuasa yang mengikat mereka dan maju ke arah pembebasan. Mereka akan menyapu semua imperialis, pembesar tentera, pengawai yang korup, penindas tempatan dan pegawai yang jahat (Mao Tse-tung 1965, 23-24).

Modenisasi dan kaum tani perlu juga diperkatakan dalam kerangka yang melewati parameter kuantitatif di atas. Tegasnya, perbincangan itu perlu juga dilihat dari sudut struktur kelas. Dalam perbincangan di atas ditunjukkan bahawa terdapat kepentingan kerajaan, iaitu kelas pemerintah di dalam pelancaran program-program modernisasi. Penentangan kaum tani kepada modernisasi pula berkait dengan keinginan mereka untuk mempertahankan kepentingan mereka. Namun demikian, kepentingan dan pertentangan kelas tersebut, khususnya kepentingan dan perjuangan kaum tani tidak hanya harus mendapat perhatian pada masa mereka memberontak melawan kerajaan ataupun ketika kegagalan program modernisasi (seperti Revolusi Hijau). Keadaan-keadaan itu jarang berlaku. Kaum tani tidak selalu memberontak dan kerajaan pula tidak melaksanakan